

## D.R. 49/96

Naskah Sahih—Bahasa Kebangsaan

### RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN JENAYAH SYARIAH (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1996

---

#### SUSUNAN FASAL

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

#### BAHAGIAN II

#### KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN 'AQIDAH

3. Pemujaan salah.
4. Doktrin palsu.
5. Mengembangkan doktrin agama, dsb.
6. Dakwaan palsu.

#### BAHAGIAN III

#### KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN INSTITUSINYA

7. Menghina, atau menyebabkan dipandang hina, dll. agama Islam.
8. Mempersendakan, dll. ayat Al-Quran atau *Hadith*.
9. Menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama.
10. Mengingkari perintah Mahkamah.
11. Mengajar agama tanpa tauliah.

Fasal

12. Pendapat yang bertentangan dengan fatwa.
13. Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak.
14. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.
15. Tidak menghormati Ramadhan.
16. Tidak membayar zakat atau fitrah.
17. Menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama.
18. Berjudi.
19. Minuman yang memabukkan.

#### BAHAGIAN IV

##### KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUSILAAN

20. Perbuatan sumbang *mahram*.
21. Pelacuran.
22. Muncikari.
23. Persetubuhan luar nikah.
24. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
25. Liwat.
26. *Musahaqah*.
27. Khalwat.
28. Orang lelaki berlagak seperti perempuan.
29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

#### BAHAGIAN V

##### KESALAHAN PELBAGAI

30. Memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu.
31. *Takfir*.
32. Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.
33. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.
34. Pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah.
35. Menggalakkan maksiat.
36. Memujuk lari perempuan bersuami.
37. Menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri.

*Kesalahan Jenayah Syariah*  
*(Wilayah-Wilayah Persekutuan)*

3

Fasal

38. Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan.
39. Memujuk lari orang perempuan.
40. Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam.
41. *Qazaf*.
42. Penyalahgunaan tanda halal.

BAHAGIAN VI

PENYUBAHATAN DAN PERCUBAAN

43. Penyubahatan.
44. Menyubahati di dalam Wilayah Persekutuan kesalahan di luar Wilayah Persekutuan.
45. Hukuman bagi penyubahatan.
46. Tanggungan penyubahat jika perbuatan yang berlainan dilakukan.
47. Percubaan.

BAHAGIAN VII

KECUALIAN AM

48. Perbuatan Hakim apabila bertindak secara kehakiman.
49. Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah.
50. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai justifikasi di sisi undang-undang.
51. Perbuatan kanak-kanak yang belum *baligh*.
52. Perbuatan seseorang yang tak sempurna akal.
53. Perbuatan orang yang terpaksa oleh sebab ugutan.

BAHAGIAN VIII

PERKARA AM

54. Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan.
55. Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan.

Fasal

56. Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan.
57. Pemansuhan.
58. Pindaan seksyen 164 Enakmen.

JADUAL

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan bagi kesalahan jenayah Syariah, dan perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut;

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai hanya bagi—

(a) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan sahaja; dan

(b) orang Islam sahaja.

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"Akta Pentadbiran" ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993; Akta 505.

"*baligh*" ertinya sudah cukup umur mengikut Hukum Syarak;

*Sel. En. 3/52.* "Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor—

(a) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Pentadbiran Enakmen Hukum Syarak) 1974, 1981 dan 1988 yang dibuat menurut subseksyen 6 (4) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 dan yang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menurut kuasa subseksyen 6(1) Akta itu dan Akta Pentadbiran Hukum Syarak (Pindaan) 1984; dan

*P.U. (A)  
44/74.  
P.U. (A)  
390/81.  
P.U. (A)  
263/88.  
Akta A206.*

*Akta A576.*

(b) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Labuan, sebagaimana yang diubahsuaikan dan diperluaskan oleh Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Peluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 yang dibuat menurut seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984;

*P.U. (A)  
352/85.*

*Akta A585.*

"fatwa" ertinya mana-mana fatwa yang dibuat di bawah seksyen 34 Akta Pentadbiran;

"Hakim" ertinya hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rendah Syariah yang dilantik masing-masing di bawah seksyen 41, 42 dan 43 Akta Pentadbiran;

"Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut mana-mana mazhab yang diiktiraf;

"*iron*" ertinya sesuatu pengataan yang dibuat oleh seseorang lelaki dengan bersumpah mengikut Hukum Syarak bahawa isterinya telah melakukan zina;

"liwat" ertinya perhubungan seks sesama lelaki;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran;

"Majlis" ertinya Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Akta Pentadbiran;

"Mufti" ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti bagi Wilayah Persekutuan di bawah seksyen 32 Akta Pentadbiran, dan termasuklah Timbalan Mufti;

"muncikari" ertinya seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa maksud yang menyalahi Hukum Syarak;

"*musahaqah*" ertinya perhubungan seks sesama perempuan;

"pusat pemulihan diluluskan" ertinya mana-mana tempat atau institusi yang ditetapkan sebagai sedemikian di bawah seksyen 54;

"*qazaf*" ertinya membuat pengatahan palsu terhadap mana-mana orang;

"rumah diluluskan" ertinya mana-mana tempat atau institusi yang ditetapkan sebagai sedemikian di bawah seksyen 54;

"sumbang *mahram*" ertinya persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang dilarang mengahwini satu sama lain di bawah Hukum Syarak;

"*takfir*" ertinya menganggap seseorang orang Islam sebagai orang bukan Islam;

"Wilayah Persekutuan" ertinya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan;

"*zina*" ertinya persetubuhan antara lelaki dengan perempuan tanpa nikah.

Akta 388. (2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini dan yang tidak ditakrifkan dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta-Akta Tafsiran 1948 dan 1967 hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya masing-masing dalam Akta-Akta itu setakat yang erti sedemikian tidak bercanggah dengan Hukum Syarak.

(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang sifat atau tafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersempamaan dengannya dalam Jadual itu.

## BAHAGIAN II

### KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN 'AQIDAH

Pemujaan salah.

**3.** (1) Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya apa-apa peranti, barang atau benda yang digunakan dalam pelanggaran atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

Doktrin palsu.

**4.** (1) Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat

awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana dokumen atau benda yang digunakan dalam pelakuan atau yang ada kaitan dengan kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

**5.** Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mengembang-  
kan doktrin  
agama, dsb.

**6.** Mana-mana orang yang—

Dakwaan  
palsu.

- (a) mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali; atau
- (b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia.

sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

## BAHAGIAN III

KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN  
KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN INSTITUSINYA

Menghina,  
atau  
menyebabkan  
dipandang  
hina, dll.  
agama Islam.

**7.** Mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain—

- (a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;
- (b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau
- (c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mempersen-  
dakan, dll  
ayat Al-  
Quran atau  
*Hadith*.

**8.** Mana-mana orang yang, dengan kata-katanya atau atau perbuatannya, mempersendakan, menghina, mencemuh atau menyebabkan dipandang hina ayat-ayat Al-Quran atau *Hadith* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Menghina  
atau  
mengingkari  
pihak  
berkuasa  
agama

**9.** Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**10.** Mana-mana orang yang mengingkari, melanggar, mempertikaikan, mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina apa-apa perintah Hakim atau Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Mengingkari perintah Mahkamah.

**11.** (1) Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 96 Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Mengajar agama tanpa tauliah.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

- (a) mana-mana orang atau golongan orang yang dikecualikan oleh Majlis di bawah seksyen 98 Akta Pentadbiran; atau
- (b) mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam kediamannya sendiri kepada anggota keluarganya sahaja.

**12.** Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pendapat yang bertentangan dengan fatwa.

**13.** (1) Mana-mana orang yang—

- (a) mencetak, menyiarkan, menerbitkan, merakamkan, menyebarkan atau dengan apa-apa cara lain menyebarkan apa-apa buku, risalah, dokumen atau apa-apa bentuk rakaman yang mengandungi apa-apa jua yang bertentangan dengan Hukum Syarak; atau

Penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

(b) ada dalam miliknya apa-apa buku, risalah, dokumen atau rakaman sedemikian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana buku, risalah, dokumen atau rakaman yang disebut dalam subseksyen (1) dilucuthakkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan berkaitan dengan buku, risalah, dokumen atau rakaman itu.

Tidak  
menunaikan  
sembahyang  
Jumaat.

**14.** Mana-mana orang lelaki, yang *baligh*, yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tidak  
menghormati  
Ramadhan.

**15.** Mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadhan—

(a) menjual kepada mana-mana orang Islam apa-apa makanan, minuman, rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap serta-merta dalam waktu itu; atau

(b) secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau benda lain yang seumpamanya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**16.** Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi—

Tidak membayar zakat atau fitrah.

- (a) enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau
- (b) enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana orang lain yang diberikuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

**17.** (1) Mana-mana orang yang menghasut atau mendorong mana-mana orang Islam supaya tidak menghadiri masjid atau pengajaran agama atau apa-apa upacara agama adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama

(2) Mana-mana orang yang dengan apa-apa cara mencegah orang yang lain daripada membayar zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**18.** (1) Mana-mana orang yang berjudi, atau didapati berada di rumah judi, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Berjudi

(2) Dalam seksyen ini, "rumah judi" ertinya mana-mana premis, termasuk bilik, pejabat atau gerai, sama ada terbuka atau tertutup, yang digunakan atau disimpan

bagi maksud perjalanan apa-apa permainan yang keputusannya bergantung kepada nasib atau campuran kemahiran dan nasib, sama ada dibenarkan oleh mana-mana undang-undang lain atau sebaliknya, untuk mendapat wang atau nilai wang.

Minuman  
yang  
memabukkan.

**19.** (1) Mana-mana orang yang, di mana-mana kedai atau tempat awam lain, minum apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan atau mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

#### BAHAGIAN IV

##### KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUSILAAN

Perbuatan  
sumbang  
*mahram*

**20.** Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang *mahram* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Pelacuran.

**21.** (1) Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

(2) Mana-mana orang yang—

(a) melacurkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya; atau

- (b) menyebabkan atau membenarkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya melacurkan diri,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

**22.** Mana-mana orang yang bertindak sebagai muncikari adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

**23.** (1) Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

(2) Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

(3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan kerelaannya adalah keterangan *prima facie* tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan *qamariah* dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.

Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.

**24.** Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Liwat.

**25.** Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam, sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

*Musahaqah.*

**26.** Mana-mana orang perempuan yang melakukan *musahaqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Khalwat.

**27.** (1) Mana-mana—

(a) orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau *mahramnya*; atau

(b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau *mahramnya*,

di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan

apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya..

**28.** Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Orang lelaki berlagak seperti perempuan.

**29.** Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

## BAHAGIAN V

### KESALAHAN PELBAGAI

**30.** (1) Mana-mana orang yang memberikan keterangan palsu atau memalsukan keterangan bagi maksud ia digunakan dalam apa-apa peringkat dalam sesuatu presiding kehakiman di Mahkamah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu.

(2) Mana-mana orang yang mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubungan dengan agama Islam, memberikan apa-apa maklumat berhubungan dengan kesalahan itu yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

*Takfir*

**31.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana orang yang mengatakan atau menohmahkan dengan perkataan, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan isyarat atau gambaran tampak, atau dengan apa-apa perbuatan, aktiviti atau pelakuan, atau dengan menganjurkan, menaja atau membuat perkiraan bagi apa-apa aktiviti atau selainnya dengan apa-apa cara, bahawa mana-mana orang yang menganut agama Islam atau orang yang tergolong dalam apa-apa kumpulan, golongan atau perihalan orang yang menganut agama Islam—

- (a) adalah kafir;
- (b) tidak lagi menganut agama Islam;
- (c) tidak sepatutnya diterima, atau tidak boleh diterima, sebagai menganuti agama Islam; atau
- (d) tidak mempercayai, mengikuti, menganuti, atau tergolong dalam, agama Islam,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(2) Subseksyen (1) tidaklah terpakai bagi—

- (a) apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana Mahkamah atau pihak berkuasa agama yang ditubuhkan, dibentuk atau dilantik oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan yang diberikan kuasa untuk membuat atau mengeluarkan apa-apa keputusan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam; dan
- (b) apa-apa jua yang dilakukan oleh mana-mana orang menurut atau mengikut apa-apa keputusan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Mahkamah atau pihak berkuasa sedemikian, sama ada atau tidak keputusan itu adalah secara bertulis atau, jika bertulis, sama ada atau tidak ia disiarkan dalam *Warta*.

- 32.** Mana-raana orang yang memusnahkan, merosakkan atau mencemarkan mana-mana masjid atau surau atau tempat beribadat lain atau apa-apa kelengkapannya dengan niat menghina atau mempersendakan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.
- 33.** Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 60 Akta Pentadbiran.
- Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.
- 34.** Mana-mana orang yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa secara sah untuk memungut zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.
- Pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah.
- 35.** Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.
- Menggalakkan maksiat.
- 36.** Mana-mana orang yang memujuk lari seorang perempuan bersuami atau membawanya keluar dari atau dengan apa-apa cara mempengaruhinya supaya meninggalkan kediaman suami isteri yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun
- Memujuk lari perempuan bersuami.

atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh memerintahkan perempuan tersebut supaya kembali kepada suaminya.

Menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri

**37.** Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri yang sudah bernikah dengan sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.

Menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan

**38.** Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana orang lelaki atau orang perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Memujuk lari orang perempuan.

**39.** Mana-mana orang yang memujuk lari atau mendorong atau memujuk mana-mana orang perempuan supaya lari daripada jagaan ibu bapanya atau penjaganya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai berkenaan dengan orang perempuan itu.

Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam

**40.** Mana-mana orang yang menjual, memberikan atau menyerahkan anaknya atau kanak-kanak di bawah peliharaannya kepada mana-mana orang yang tidak beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya sesuai berkenaan dengan anak atau kanak-kanak itu.

**41.** Kecuali dalam kes *li'an*, mana-mana orang yang menuduh orang lain melakukan *zina* tanpa mengemukakan, mengikut Hukum Syarak, empat orang saksi lelaki atau *iqrar* orang yang dituduh itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. *Qazaf*

**42.** Mana-mana orang yang mempamerkan pada atau berkenaan dengan mana-mana makanan atau minuman yang tidak halal, apa-apa tanda yang menunjukkan bahawa makanan atau minuman itu adalah halal adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Penyalah-gunaan tanda halal.

## BAHAGIAN VI

### PENYUBAHATAN DAN PERCUBAAN

**43.** Seseorang menyubahati pelakuan sesuatu perkara jika dia— Penyubahan.

- (a) menghasut mana-mana orang supaya melakukan perkara itu;
- (b) mengambil bahagian bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lain dalam apa-apa pakatan jahat untuk melakukan perkara itu, jika sesuatu perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang berlaku ekoran daripada pakatan jahat itu, dan dengan tujuan hendak melakukan perkara itu; atau
- (c) dengan sengaja membantu, dengan apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang menyalahi undang-undang, pelakuan perkara itu.

*Huraian 1*—Seseorang yang, dengan pernyataan salah sengaja, atau penyembunyian sengaja suatu fakta material yang dia terikat mendedahkannya, dengan sengaja menyebabkan atau mendapatkan, atau cuba untuk menyebabkan atau mendapatkan, supaya sesuatu perkara dilakukan adalah dikatakan menghasut supaya perkara itu dilakukan.

*Huraian 2*—Mana-mana orang, sama ada sebelum atau pada masa pelakuan sesuatu perbuatan, melakukan apa-apa jua dengan tujuan memudahkarta pelakuan perbuatan itu, dan dengan itu memudahkan pelakuan itu. adalah dikatakan membantu dalam melakukan perbuatan itu.

Menyubahati di dalam Wilayah Persekutuan kesalahan di luar Wilayah Persekutuan. **44.** Seseorang adalah menyubahati sesuatu kesalahan mengikut pengertian Akta ini jika di dalam Wilayah Persekutuan dia menyubahati pelakuan suatu perbuatan di luar Wilayah Persekutuan yang akan menjadi suatu kesalahan sekiranya dilakukan di Wilayah Persekutuan.

Hukuman bagi penyubahatan. **45.** Mana-mana orang yang menyubahati apa-apa kesalahan hendaklah, jika perbuatan yang disubahati itu dilakukan menurut penyubahatan itu, dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Tanggungan penyubahat jika perbuatan yang berlainan dilakukan **46.** Jika sesuatu perbuatan disubahati dan suatu perbuatan yang berlainan dilakukan, penyubahat itu bertanggung bagi perbuatan yang dilakukan mengikut cara yang sama dan sehingga takat yang sama seolah-olah dia telah menyubahati perbuatan yang dilakukan jika perbuatan yang dilakukan—

(a) adalah akibat barangkali daripada penyubahatan itu; dan

(b) telah dilakukan dengan pengaruh hasutan itu, atau dengan bantuan atau kerana menurut pakatan jahat yang mewujudkan penyubahatan itu.

Percubaan. **47.** (1) Mana-mana orang yang Cuba—

(a) melakukan sesuatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan Hukum Syarak; atau

(b) menyebabkan kesalahan itu dilakukan,

dan dalam percubaan itu melakukan apa-apa perbuatan ke arah pelakuan kesalahan itu hendaklah, jika tiada peruntukan nyata dibuat oleh Akta ini atau undang-undang bertulis lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi hukuman percubaan itu, dihukum dengan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan sebagai hukuman bagi suatu percubaan untuk melakukan suatu kesalahan atau untuk menyebabkan suatu kesalahan dilakukan tidak boleh melebihi satu perdua daripada tempoh maksimum pemenjaraan yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

## BAHAGIAN VII

### KECUALIAN AM

- 48.** Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seorang Hakim apabila bertindak secara kehakiman pada menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya, atau yang dia dengan suci hati percaya telah diberikan kepadanya, oleh undang-undang. Perbuatan Hakim apabila bertindak secara kehakiman.
- 49.** Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan menurut, atau yang diwajibkan oleh, penghakiman atau perintah Mahkamah, jika dilakukan semasa penghakiman atau perintah itu masih berkuatkuasa, walaupun Mahkamah itu tidak mempunyai bidang kuasa untuk membuat penghakiman atau perintah itu jika orang yang melakukan perbuatan itu percaya dengan suci hati bahawa Mahkamah itu mempunyai bidang kuasa untuk membuat penghakiman atau perintah itu. Perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah.
- 50.** Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai justifikasi di sisi undang-undang, atau yang oleh sebab kesilapan fakta dan bukan kesilapan undang-undang dengan suci hati percaya bahawa dia mempunyai justifikasi di sisi undang-undang untuk melakukan yang demikian. Perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang mempunyai justifikasi di sisi undang-undang.
- 51.** Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang belum *baligh*. Perbuatan kanak-kanak yang belum *baligh*.
- 52.** (1) Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang pada masa melakukan perbuatan itu, oleh sebab ketidaksempurnaan akalnya, tak Perbuatan seseorang yang tak sempurna akal

berupaya mengetahui sifat sebenar perbuatan itu, atau bahawa apa yang dilakukannya adalah salah dan berlawanan dengan undang-undang.

(2) Bagi maksud seksyen ini, jika seseorang berada dalam keadaan mabuk pada masa perbuatan atau ketinggalan yang diadukan itu dan—

- (a) keadaan mabuk itu adalah sedemikian rupa sehingga dia tidak tahu bahawa perbuatan atau ketinggalan itu adalah salah atau dia tidak tahu apa yang dilakukannya; dan
- (b) keadaan mabuk itu telah terjadi tanpa persetujuannya dan akibat perbuatan niat jahat atau kecuaiannya seorang yang lain,

maka dia hendaklah disifatkan sebagai orang yang tak sempurna akal.

(3) Dalam seksyen ini, "mabuk" hendaklah disifatkan termasuk keadaan yang dihasilkan oleh dadah.

Perbuatan orang yang terpaksa oleh sebab ugutan.

**53.** (1) Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh seseorang yang terpaksa melakukannya oleh sebab ugutan yang sedemikian sifatnya sehingga menyebabkan orang itu semunasabahnya percaya, pada masa dia melakukan perbuatan itu, bahawa jika dia tidak melakukannya dia akan mati pada masa itu juga.

(2) Kecualian di bawah subseksyen (1) tidaklah terpakai jika orang yang melakukan perbuatan itu telah meletakkan dirinya, dengan kerelaannya sendiri, dalam keadaan yang menjadikannya tertakluk kepada paksaan itu,

## BAHAGIAN VIII

### PERKARA AM

Penetapan pusat pemulihan atau rumah diluluskan

**54.** Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana tempat atau institusi, menjadi pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan bagi maksud Akta ini.

**55.** (1) Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang atas suatu kesalahan di bawah Bahagian II atau di bawah seksyen 7, 8, 9 atau 31, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti hukuman atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan mana-mana orang sedemikian dikomitkan ke pusat pemulihan diluluskan untuk menjalani apa-apa kaunseling atau pemulihan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa hukuman pemenjaraan dikenakan sekali dengan kaunseling atau pemulihan, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.

Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan orang yang disabitkan ke pusat pemulihan diluluskan.

**56.** Jika Mahkamah telah mensabitkan mana-mana orang perempuan atas suatu kesalahan di bawah Bahagian IV, Mahkamah itu boleh, sebagai ganti atau sebagai tambahan bagi apa-apa hukuman yang ditentukan bagi kesalahan itu, memerintahkan orang perempuan sedemikian dikomitkan ke suatu rumah diluluskan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu; tetapi jika apa-apa tempoh pemenjaraan dikenakan sekali dengan komital itu, tempohnya tidaklah boleh melebihi agregat tiga tahun.

Kuasa Mahkamah untuk mengkomitkan pesalah perempuan ke rumah diluluskan.

**57.** (1) Bahagian IX Enakmen, selain daripada seksyen 164 dan 165, hendaklah terhenti terpakai bagi Wilayah Persekutuan dan setakat itu hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

Pemansuhan.

(2) Walaupun Bahagian IX Enakmen dimansuhkan ("Bahagian termansuh") segala prosiding di bawah Bahagian termansuh itu, termasuk apa-apa rayuan daripada mana-mana Mahkamah di bawah Bahagian termansuh itu, hendaklah diteruskan seolah-olah Akta ini tidak diluluskan.

**58.** Seksyen 164 Enakmen dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "34 of this Enactment" dengan perkataan "28 of the Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act 1993".

Pindaan seksyen 164 Enakmen.

## JADUAL

(Subseksyen 2(3))

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI  
PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

'aqidah	—	عقيدة
baligh	—	بالغ
Hadith	—	حديث
iqrar	—	إقرار
Iran	—	لعان
mahram	—	محرم
musahaqah	—	مشهقة
qamariah	—	قمريّة
qazaf	—	قذف
takfir	—	تكفير
zina	—	زنا

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan terhadap rukun agama Islam oleh orang yang menganut agama Islam di Wilayah Persekutuan. Beberapa kesalahan yang dimasukkan ke dalam Rang Undang-Undang ini diperuntukkan sekarang dalam Bahagian IX Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' 1952 bagi Negeri Selangor sebagaimana yang diubahsuai dan diperluas ke Wilayah Persekutuan (kemudian daripada ini disebut "Enakmen 1952"). Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan itu telah disemak dan diperbaiki, termasuklah dengan mengenakan penalti yang lebih berat untuk mencerminkan keseriusan kesalahan-kesalahan itu.

2. Bahagian I memperkatakan perkara-perkara permulaan. *Subfasal 1(2)* memperuntukkan secara jelas bahawa Akta yang dicadangkan oleh Rang Undang-Undang ini terpakai bagi orang yang menganut agama Islam sahaja.

3. Bahagian **II** mengandungi kesalahan-kesalahan berhubungan dengan *'aqidah*. *Fasal 3* menjadikan kesalahan bagi mana-mana orang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak. *Fasal 4* merupakan kesalahan mengenai ajaran dan amalan menyeleweng. Kesalahan lain yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini ialah kesalahan mengembangkan doktrin agama selain daripada agama Islam di kalangan orang beragama Islam (*fasal 5*) dan kesalahan mengisytiharkan diri sendiri atau orang lain sebagai rasul atau nabi, Imam Mahadi atau wali (*Fasal 6*).

4. Bahagian **III** mengandungi kesalahan-kesalahan berhubungan dengan kesucian agama Islam. Antara kesalahan yang diperuntukkan di bawah Bahagian ini dan yang tidak diperuntukkan di bawah Enakmen 1952 ialah kesalahan menghina atau menyebabkan dipandang hina agama Islam (*fasal 7*), kesalahan mengingkari perintah Mahkamah (*fasal 10*) dan kesalahan berjudi (*fasal 18*). Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen 1952 dan yang peruntukan mengenainya telah diperbaiki ialah kesalahan mempersendakan ayat Quran atau *Hadith* (*fasal 8*), kesalahan bertindak dengan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama (*fasal 9*), kesalahan mengajar agama tanpa tauliah (*fasal 11*), kesalahan memberikan, mengembangkan atau menyebarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa (*fasal 12*), kesalahan mencetak, mengeluarkan, dsb. penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak (*fasal 13*), kesalahan tidak menunaikan sembahyang Jumaat (*fasal 14*), kesalahan tidak menghormati Ramadhan (*fasal 15*), kesalahan tidak membayar zakat atau fitrah (*fasal 16*), kesalahan menghasut supaya mengabaikan kewajipan agama (*fasal 17*) dan kesalahan meminum minuman yang memabukkan (*fasal 19*).

5. Bahagian **IV** mengandungi kesalahan-kesalahan berhubungan dengan kesucilaan. Selain daripada kesalahan persetujuan luar nikah (*fasal 23*) dan khalwat (*fasal 27*), semua kesalahan yang lain di bawah Bahagian ini tidak diperuntukkan di bawah Enakmen 1952. Kesalahan itu ialah kesalahan sumbang *mahram* (*fasal 20*), kesalahan melakukan perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetujuan luar nikah (*fasal 24*), kesalahan liwat (*fasal 25*), kesalahan *musahaqah* (*fasal 26*), kesalahan orang lelaki berlagak sebagai orang perempuan (*fasal 28*) dan kesalahan bertindak atau berkelakuan tidak sopan di tempat awam (*fasal 29*).

6. Bahagian **V** mengandungi kesalahan-kesalahan pelbagai. Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan ialah kesalahan memberikan keterangan, maklumat atau pernyataan palsu untuk digunakan dalam prosiding kehakiman (*fasal 30*), kesalahan menganggap orang Islam

sebagai bukan Islam (*fasal 31*), kesalahan memusnahkan atau mencemarkan masjid, dsb. (*fasal 32*), kesalahan menggalakkan maksiat (*fasal 35*), kesalahan memujuk lari perempuan bersuami (*fasal 36*), kesalahan menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri (*fasal 37*), kesalahan menggalakkan perceraian atau pengabaian tanggungjawab (*fasal 38*), kesalahan memujuk lari orang perempuan (*fasal 39*), kesalahan menjual atau memberikan kanak-kanak kepada orang bukan Islam (*fasal 40*), kesalahan *qazaf* (*fasal 41*) dan kesalahan menyalahgunakan tanda halal (*fasal 42*). Kesalahan memungut zakat atau fitrah tanpa kuasa (*fasal 33*) dan membayar zakat atau fitrah secara tak sah (*fasal 34*) merupakan peruntukan yang sedia ada dalam Enakmen 1952.

7. Bahagian **VI** mengandungi peruntukan mengenai penyubahatan dan percubaan dan peruntukan ini adalah lebih terperinci daripada peruntukan dalam Enakmen 1952.

8. Bahagian **VII** mengandungi kecualian am. Antara kecualian am bagi kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Akta yang dicadangkan ialah perbuatan Hakim apabila bertindak secara kehakiman (*fasal 48*), perbuatan yang dilakukan menurut penghakiman atau perintah Mahkamah (*fasal 49*), perbuatan yang dilakukan oleh orang yang mempunyai justifikasi di sisi undang-undang (*fasal 50*), perbuatan kanak-kanak yang belum *baligh* (*fasal 51*), perbuatan orang yang tak sempurna akal (*fasal 52*) dan perbuatan orang yang terpaksa oleh sebab ugutan (*fasal 53*).

9. Bahagian **VIII** mengandungi perkara-perkara am. *Fasal 54* memberi Majlis kuasa untuk menetapkan pusat pemulihan atau rumah diluluskan. *Fasal 55* dan *56* memberi Mahkamah kuasa untuk mengkomitkan orang yang disabitkan atas kesalahan tertentu ke pusat pemulihan diluluskan atau rumah diluluskan. *Fasal 57* mengadakan peruntukan bagi pemberhentian pemakaian Bahagian IX kecuali seksyen 164 dan 165, Enakmen 1952 bagi Wilayah Persekutuan. *Fasal 58* bertujuan mengubahsuaikan peruntukan seksyen 164 Enakmen 1952 dalam pemakaiannya bagi Wilayah Persekutuan.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U<sup>2</sup>) 1800.]